

PERSIDANGAN SERANTAU "MENGHADAPI ABAD 21: REFORMASI DAN CABARAN UMAT ISLAM SERANTAU"
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM), KUALA LUMPUR, 22 OGOS 1997

Saya ucapkan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) kerana menjemput saya untuk berucap di Persidangan Serantau 'Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau' pada hari ini.

2. Untuk merancang masa depan, kita perlu menoleh ke belakang dahulu supaya kita tahu dari mana kita datang. Jika kita tidak tahu dari mana kita datang, kita mungkin menuju ke belakang walaupun kita percaya kita sedang maju ke hadapan.
3. Demikian untuk menghadapi Abad ke-21 Masihi -- zaman maklumat dengan teknologi yang canggih yang akan menukar cara hidup manusia, dengan sempadan antara negara-negara tidak lagi dapat menghalang kemasukan maklumat dan segala kegiatan, ekonomi, kewangan, sosial dan budaya bersama cabaran baru yang akan datang dengan perubahan-perubahan ini -- kita perlu mencari iktibar, panduan dan pelajaran dari sejarah, sejarah dunia serta sejarah Islam dan umat Islam.
4. Ini tidak bermakna kita akan mendapat semua jawapan secara tepat daripada mempelajari sejarah Islam. Tetapi kita mungkin boleh mengetahui bagaimana pendekatan dan strategi umat Islam yang begitu berjaya pada mulanya telah menjadi tidak sesuai dan membawa keburukan kemudian. Sekurang-kurangnya kita akan kenal apa yang tidak berkesan dan tidak harus diguna dalam menangani masalah-masalah tertentu yang mungkin ada persamaannya dengan cabaran dan masalah yang akan kita hadapi di masa hadapan.
5. Jika sejarah Islam diikuti secara tidak mendalam sekalipun, jelas sekali orang Arab Jahiliah, yang mundur, yang tinggal di padang pasir, yang berbudaya kolot sehingga sanggup membunuh anak sendiri, yang berperang sesama sendiri sepanjang masa, yang taksub dengan kabilah masing-masing; Arab yang jahil seperti ini, apabila menerima Islam dan mengikuti ajarannya telah berjaya mendirikan sebuah empayar yang amat besar dan mencipta tamadun yang tinggi yang jauh lebih moden dari tamadun Yunani dan Rumawi semasa. Dari Sepanyol hingga ke benua China ajaran Islam dikembangkan oleh bekas orang Arab yang jahil ini sehinggalah separuh daripada umat manusia menerima agama Islam dan menukar cara hidup mereka, menukar bahasa dan tulisan mereka. Jika kita ingat bahawa sebahagian besar daripada orang Arab termasuk Nabi Muhammad s.a.w. sendiri buta huruf, pencapaian Arab yang telah diIslamkan ini lebih mengagumkan. Sebenarnya dalam jangkamasa hanya seratus tahun selepas hijrah ke Madinah, orang Arab padang pasir yang jahil ini, hanya dengan menerima dan menganuti Islam dan ajaran Islam, telah mendirikan sebuah empayar Islam yang begitu besar dan kuat. Perkembangan Islam selepas itu tidaklah begitu menakjubkan, walaupun ia terus diusahakan di sana-sini dengan jayanya.

6. Kita juga tahu dari sejarah bahawa selepas orang Islam diusir dari Sepanyol pada tahun 1492, Empayar Islam Turki pula muncul di Eropah Timur dan Asia Tengah. Tetapi Empayar Islam Turki juga akhirnya merosot sehinggalah Turki bukan sahaja tidak lagi menjadi pusat Empayar Islam, sebaliknya Turki menolak Islam dalam pentadbirannya dan mengisytiharkan negaranya sebagai negara sekular yang tidak lagi terlibat dengan dunia Islam.

7. Naik turunnya Islam dan umat Islam dalam sejarah tentu mempunyai kaitan yang rapat dengan agama yang dianuti oleh mereka. Tetapi kenapakah di peringkat awal apabila Arab Jahiliyah menganuti agama Islam mereka telah menjadi umat yang begitu dinamik? Jawapannya ialah semakin lama semakin banyak ajaran yang tidak berasas kepada Islam yang sebenar telah disebarkan. Dan semakin lama, semakin ramai orang Islam dan pemimpin- pemimpin mereka yang terlibat dengan rebutan kuasa, dengan masing-masing mendakwa bahawa mereka berjuang untuk Islam.

8. Sebab itu antara empat Khalifah Al-Rashidin, tiga mati dibunuh. Hanya Saidina Abu Bakar, Khalifah yang pertama sahaja yang tidak dibunuh. Saidina Abu Bakar terkenal dengan sifat merendahkan diri. Apabila dilantik Khalifah, beliau menyuruh siapa sahaja menegurnya jika ia bersalah, kerana beliau mengakui ia adalah manusia biasa dan bukan Nabi. Pembunuhan Saidina Omar dan Osman tentulah kerana ada antara penganut agama Islam yang tidak bersetuju dengan kepimpinan khalifah-khalifah ini.

9. Tetapi apabila Saidina Ali dilantik menjadi Khalifah tentangan terhadapnya menjadi amat ketara. Peperangan berlaku di antara Saidina Ali dan Muawiyah yang akhirnya tamat dengan Saidina Ali dibunuh dan umat Islam berpecah kepada dua mazhab, puak Sunni dan puak Syiah. Perbezaan antara Sunni dan Syiah begitu besar, namun masing-masing mendakwa bahawa agama mereka adalah agama Islam. Bagaimanakah agama yang satu yang dibawa oleh Rasulullah boleh menjadi dua agama yang begitu berbeza? Tentulah satu daripada dua ini bukan Islam atau yang lebih mungkin lagi ialah masing-masing mempunyai tafsiran dan ajaran yang benar dan juga yang salah. Yang jelas ialah perbezaan tafsiran dan ajaran Islam di antara kedua-dua mazhab ini disebabkan oleh rebutan politik, iaitu keinginan untuk menjadi Khalifah oleh pemimpin tertentu.

10. Tetapi tafsiran yang berlainan berkenaan agama Islam tidak berhenti-henti dibuat. Sama ada kerana masalah yang dihadapi dengan peredaran zaman atau kerana politik kepimpinan dalam kedua-dua mazhab, ijtihad dan ijmak kerap dibuat oleh alim ulama untuk mengeluarkan beribu-ribu fatwa sepanjang masa. Di waktu yang sama ada sahaja ulama yang mentafsir dan membuat fatwa sendiri dan mendirikan kumpulan-kumpulan tarikat dan kumpulan-kumpulan lain. Untuk membantu dakwaan mereka ramai yang mencipta hadis yang tidak mempunyai asas yang benar.

11. Demikian hanya 200 tahun selepas Hijrah, Bukhari mengumpul dan mengkaji hadis-hadis yang dipercayai oleh orang Islam di zamannya, berjumlah hampir 600,000 hadis. Daripada jumlah ini Bukhari mengesahkan hanya 7000 hadis.

Beliau menolak lebih kurang 593,000 hadis yang pada pendapatnya adalah tidak sahih atau palsu.

12. Pengkaji-pengkaji hadis yang lain seperti Muslim dan Tarmizi menerima kurang daripada 7000. Ada hadis yang dianggap sahih oleh Bukhari ditolak oleh ulama- ulama lain yang mengkaji hadis dan sebaliknya.

13. Keadaan ini berlaku hanya 200 tahun selepas Hijrah. Kemudian dari itu banyak lagi hadis yang dicipta oleh orang lain. Dan banyak pendapat, tafsiran dan fatwa yang dibuat melalui ijtihad, ijmak dan kias. Ada pula antara fatwa-fatwa ini kemudian didapati salah dan tidak dipersetujui oleh ulama-ulama yang datang kemudian, dan dengan itu dibatalkan. Penutupan pintu ijtihad tidak menghentikan fatwa-fatwa terus dibuat tanpa proses yang secocok dengan ajaran Islam. Tafsiran- tafsiran berlainan antara satu dengan yang lain terus dibuat.

14. Hakikatnya ialah selama 1400 tahun sejarah Islam dan orang Islam, mereka terdedah kepada bermacam-macam ajaran yang semuanya didakwa adalah ajaran Islam, yang sering bertentangan antara satu sama lain, sehinggakan mereka menjadi amat keliru. Daripada ajaran yang begitu sempit yang menolak dunia dan ingin mengembalikan kepada keadaan 1400 dahulu, kepada yang mengasingkan Islam dan menerima sekularisme, terdapat seribu satu kepercayaan yang menjadikan orang Islam sesat dan hilang akal.

15. Apakah umat Islam yang begini dapat menghadapi cabaran Abad ke-21 Masihi di mana dunia sudah menjadi sebuah kampung, dengan kecanggihan teknologi maklumat, roket, laser, kapal angkasa dan bom nuklear? Dalam dunia yang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar yang tidak satu pun terdiri daripada negara Islam, yang begitu tidak adil sehingga rela menyerah orang Islam yang tidak bersenjata untuk disembelih oleh musuh mereka, yang mampu dan sanggup mengepung negara Islam yang bebas sehingga rakyat mati lapar; apakah orang Islam yang bermusuhan sesama sendiri, yang keliru dengan ajaran agama mereka, yang begitu kolot, miskin dan lemah dapat menikmati apa-apa di zaman maklumat Abad ke-21?

16. Jawapannya ialah mereka tidak akan mendapat apa- apa nikmat, bahkan mereka akan menjadi lebih lemah lagi dan akan ditindas dan dijajah secara langsung dan tidak langsung.

17. Tetapi nasib sebegini tidak sepatutnya menimpa umat Islam. Jika kita rujuk kepada sejarah, kita akan dapati bahawa kemajuan dan perkembangan Islam dan Empayar Islam dalam abad-abad awalan adalah kerana tafsiran-tafsiran, hadis-hadis ciptaan dan fatwa cetek belum begitu banyak untuk mengelirukan umat Islam. Justeru itu, mereka tidak dihalang daripada mempelajari, menguasai dan menokok-tambah segala ilmu duniawi yang telah diterokai oleh tokoh-tokoh Yunani dan Rumawi. Mereka mengalihbahasa segala ilmu ini dan membuat kajian yang mendalam sehingga ilmu duniawi mereka lebih tinggi daripada mana-mana tamadun lain. Merekalah yang mencipta ilmu Astronomi, Algorithm, pelayaran, perubatan, Aljibra dan cabang-cabang hisab yang lain. Mereka cekap

dalam penggunaan logam sehingga Damsyik menjadi terkenal dengan besi waja yang terbaik sekali untuk senjata.

18. Semua ilmu ini dituntut kerana tidak ada larangan bahawa hanya yang khusus berkenaan agama sahaja yang boleh dipelajari oleh umat Islam. Mereka tahu Al-Quran menyuruh umat Islam melihat segala kejadian Tuhan -- gunung-ganang, langit dan bumi, hujan, tumbuh-tumbuhan, binatang yang menjadi makanan, kenderaan dan pakaian bagi manusia, bulan dan bintang, siang dan malam, iklim dan musim dan segala-gala yang dijadikan oleh Tuhan untuk umat manusia. Makna melihat bagi tokoh-tokoh Islam dahulu tidak terhad kepada melihat sahaja tetapi meliputi menyelidik dan mempelajari segala-gala yang dijadikan oleh Tuhan supaya faedahnya boleh dinikmati oleh umat manusia.

19. Sebuah hadis ada berkata: "Tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China." Apabila sahaja hadis ini disebut maka dengan pantas mereka yang tidak bersetuju mendakwa bahawa itu adalah hadis dan bukan firman Tuhan dalam Al-Quran. Apabila mereka tidak bersetuju dengan sesuatu hadis maka dengan lantang mereka menidakkan hadis sebagai punca ajaran Islam. Tetapi jika hadis itu menyokong pendapat mereka, maka mereka tidak berhenti-henti menyebut hadis itu, walaupun kesahihannya boleh dipertikaikan. Menuntut ilmu di negeri China tentulah bukan berkenaan agama Islam. Di zaman Rasulullah, orang Cina sudah terkenal dengan berbagai-bagai ilmu yang ada pada mereka seperti perubatan, penulisan dan kertas, bahan letupan dan bermacam-macam lagi.

20. Dengan kerana orang Islam dahulu mengejar ilmu seperti yang dituntut oleh hadis maka mereka menjadi orang yang bijak dan cekap, dapat memahami akan segala kurniaan Tuhan dan kegunaannya bagi menjayakan diri mereka dan agama Islam. Maka dapatlah mereka berdiri empayar Islam yang berwibawa dan besar, mengisikan empayar ini dengan pusat-pusat ilmu, mengadakan perusahaan-perusahaan, menguasai perniagaan dan dagangan bukan sahaja dalam empayar Islam tetapi di seluruh dunia, memodenkan pertanian dengan menggunakan teknik kejuruteraan pertanian yang canggih dan lain- lain lagi.

21. Malangnya di tengah-tengah kemajuan umat Islam ini muncul tokoh-tokoh yang mempertikaikan ketulenan agama Islam yang diamalkan oleh orang Islam di zaman kemajuan. Mereka mula menolak segala ilmu yang mereka dakwa tidak Islam dan tidak perlu dipelajari oleh orang Islam. Mereka, terutama yang menumpu kepada soal-soal feqah, mencipta dan mengembangkan ajaran mereka supaya orang Islam takut membuat atau mempelajari apa sahaja yang didakwa sebagai tidak Islam oleh mereka. Pusat- pusat pengajian tinggi Islam tidak lagi dibekal dengan buku-buku sains dan falsafah yang tidak khusus berkenaan dengan Islam. Khutub-khanah yang besar-besar tidak lagi didirikan dan yang ada tidak lagi mempunyai buku-buku berkenaan ilmu-ilmu yang diterokai oleh orang Yunani dan bangsa-bangsa lain, atau kajian tentang ilmu-ilmu ini oleh pendita-pendita Islam. Banyak kitab di musnah oleh puak anti-ilmu yang dianggap tidak khusus berkenaan Islam.

22. Sebaliknya perbahasan yang hebat diadakan berkenaan dengan apa dianya agama Islam yang tulen dan apa hukum-hakam Islam berkenaan dengan apa

yang ditafsir sebagai jenayah dalam Islam. Dengan diperakui dan diperkenalkan hukum-hukum yang berasas kepada tafsiran yang sempit, maka umat Islam menjadi kaku dan statis dan tidak dapat maju ke hadapan lagi.

23. Beberapa gerakan reformasi di Afrika Utara dan di tempat-tempat lain muncul dengan pemimpin yang mendakwa mereka adalah Imam Mahadi yang datang untuk membersihkan Islam sebelum kiamat. Mereka ini berperang dengan siapa sahaja daripada orang Islam yang tidak mengiktiraf mereka. Di Sepanyol kumpulan-kumpulan ini berjaya menjatuhkan pemerintahan dan memaksa ajaran mereka yang amat sempit diterima. Maka bertambah mundurlah orang Islam sehingga akhirnya mereka diusir dari Sepanyol dan tidak dapat menyelamatkan diri walaupun di Afrika Utara.

24. Sejarah Empayar Turki juga demikian. Kongkongan Sultan-Sultan Turki oleh puak ulama yang berkepentingan menyebabkan Turki tidak dapat menyesuaikan diri dengan peredaran zaman. Tentera Turki menjadi lemah, sering memberontak melawan Kerajaan kerana masalah pakaian dan senjata yang dikatakan tidak Islam. Akhirnya Turki ditakluk oleh kuasa-kuasa Barat. Para intelek dan kepimpinan tentera Turki menjadi begitu kecewa dengan Islam Turki sehingga mereka mendakwa negara yang dibebaskan oleh mereka sebagai negara sekular.

25. Kejatuhan empayar Islam Arab dan Turki adalah disebabkan oleh orang Islam pada zaman-zaman ini menolak ilmu yang ditakrif sebagai ilmu duniawi yang didakwa tidak perlu bahkan dilarang bagi umat Islam. Dengan pengetahuan dalam bidang hisab, sains, ilmu dan bidang-bidang lain yang penting untuk meningkatkan kecekapan dalam bidang pentadbiran dan pembangunan negara dan ummah berkurangan, maka orang Islam dan agama Islam tidak dapat menangani dan menghadapi cabaran dunia yang semakin lama semakin pesat berubah.

26. Abad ke-21 Masihi sudahpun dikenali sebagai abad yang amat mencabar. Teknologi moden termasuk teknologi maklumat akan mengubah secara radikal cara hidup manusia. Tidak ada sesiapa yang boleh mengasingkan diri daripada masyarakat dunia dan teknologi yang canggih ini. Manusia boleh ke mana-mana sahaja dalam jangkamasa kurang dari sehari. Manusia boleh bersemuka dan bercakap dengan siapa sahaja di mana-mana tempat di dunia 'in real time' seolah-olah berada dalam bilik yang sama. Mengutus orang untuk membawa surat diganti dengan perhubungan secara 'instant' melalui Internet. Sesiapa yang memperolehi maklumat dan tahu menggunakannya akan menguasai politik dan ekonomi dunia. Demikian juga peperangan akan dimenangi oleh mereka yang mendapat dan tahu mengguna maklumat yang terkini.

27. Berbagai-bagai alatan yang hampir ajaib boleh dicipta dan diperbuat oleh mereka yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu. Demikianlah kuasa mereka yang memiliki teknologi ini sehingga mereka boleh lakukan apa sahaja termasuk menindas orang Islam dan negara-negara Islam.

28. Di Bosnia mereka mengizinkan pembunuhan beramai-ramai orang Islam dilakukan di hadapan mata mereka. Lebih buruk lagi mereka merampas senjata orang Islam supaya mereka boleh dibunuh dengan lebih mudah oleh musuh orang Islam. Di Chechnya, Pakistan dan Selatan Asia, begitu juga.

29. Tetapi orang Islam lain tidak dapat membuat apa-apa apabila ketidakadilan ini berlaku. Mereka tidak pun berani menyuarakan tentangan mereka. Demikianlah nasib orang Islam hari ini dan demikian jugalah nasib mereka dalam Abad ke-21 selagi mereka menolak ajaran-ajaran Islam supaya mampu mempertahankan umat Islam, supaya menuntut ilmu untuk maksud ini, supaya mengejar kebahagiaan di dunia di samping kebahagiaan di akhirat.

30. Memangnya ilmu agama perlu dipelajari tetapi tidak ada sebab kenapa semua orang Islam mesti mengkhusus dalam bidang ini sahaja. Apakah semua pelajar Islam perlu menjadi pakar dalam bidang agama sehingga tidak ada yang mempelajari bidang-bidang lain yang boleh memajukan dan menyelamatkan umat Islam? Apakah tidak penguasaan bidang-bidang lain yang penting untuk menyelamatkan orang Islam tidak menjadi sebahagian daripada fardu kifayah? Apakah masyarakat Islam tidak berdosa kerana tidak ada antara mereka pakar-pakar dalam bidang-bidang yang boleh menyelamatkan orang Islam? Apakah tidak bersalah orang Islam kerana hari ini tidak ada satu pun kuasa besar Islam? Apakah tidak bersalah orang Islam jika kerana lemah dan kecewa mereka menolak persaudaraan dalam Islam dan bermusuhan sesama sendiri? Apakah tidak bersalah masyarakat Islam amnya jika kerana kecewa dengan kelemahan orang Islam disebabkan oleh pengabaian ilmu-ilmu lain yang penting, ada orang Islam yang menolak Islam dan menjadikan negara mereka sekular.

31. Kita akui ilmu sahaja tidak akan menjamin Islam dan umat Islam selamat. Untuk ini banyak lagi ajaran Islam yang penting yang perlu diamalkan. Agama Islam menyuruh orang Islam bersaudara. Sebaliknya mereka berperang sesama sendiri kerana ada yang mendakwa diri mereka sahaja yang Islam dan yang lainnya kurang Islam, bahkan murtad. Ini sedang berlaku di kebanyakan negara Islam, bahkan di Malaysia ini pun ada yang mudah membuat keputusan bahawa mereka sahaja yang Islam dan orang lain murtad.

32. Al-Quran juga menyuruh kita bersabar. Usaha memulih kekuatan umat Islam dan negara Islam tetap memakan masa yang lama. Ia memerlukan kepada politik yang stabil, pentadbiran yang cekap, penguasaan ilmu, pengumpulan kekayaan, pemilikan perusahaan yang canggih dan pembangunan pertahanan yang berkemampuan menyelamatkan negara dan umat Islam. Tetapi ramai orang Islam terutama puak pelampau tidak sabar, suka mengambil tindakan yang gopoh, tidak terancang, memberontak dan mengganas dengan tidak tentu hala, terutama terhadap orang Islam lain. Kerana tindakan tanpa persiapan yang cukup, mereka membazirkan kekuatan yang sedikit yang ada pada umat Islam tanpa mencapai apa-apa kejayaan atau kemajuan. Sebaliknya mereka mencetuskan keadaan kucar-kacir dalam negara-negara Islam dan melemahkan lagi umat Islam. Mereka sebenarnya secara tidak langsung atau tidak sedar

bersubahat dengan musuh-musuh Islam, termasuk puak Zionis.

33. Kerana mereka ini, hampir tidak ada negara Islam yang dapat ditadbir dengan baik dan dibangunkan. Tidak ada negara Islam yang bersedia untuk menghadapi cabaran Abad ke-21. Sementara bangsa dan penganut agama lain menjadi lebih maju dan lebih kuat, sementara kuasa- kuasa dunia menjadi lebih angkuh dan menindas umat Islam, orang Islam dan negara Islam terus mundur, lemah, berpecah-belah dan mudah diperalatkan oleh musuh- musuh Islam untuk melemahkan lagi umat Islam. Mereka sering menuduh musuh-musuh Islam memecahbelahkan mereka tetapi kesedaran ini tidak mendorong mereka untuk menghentikan kegiatan mereka yang tidak menguntungkan umat Islam.

34. Memandangkan keadaan ini apakah reformasi yang diperlukan oleh umat Islam di mana-mana sahaja yang boleh menyedia dan menjayakan mereka dalam menghadapi cabaran Abad 21? Reformasi yang diperlukan ialah reformasi yang boleh mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam yang tidak dicampur-aduk dengan berbagai- bagai tafsiran, ajaran dan fatwa songsang yang dibuat selama 1400 tahun selepas Hijrah.

35. Reformasi ini perlu mengembalikan umat Islam kepada ajaran-ajaran Al-Quran dan sunnah Nabi yang diketahui umum telah berlaku di zaman Nabi. Ini termasuklah bagaimana masalah-masalah tekanan oleh Arab Jahiliah Kuraish ditangani oleh Nabi dan penganut- penganut Islam yang awal. Ini termasuklah juga keadaan yang diketahui umum terdapat di Madinah, serta falsafah perjuangan secara diplomatik dan ketenteraan untuk menawan Mekah.

36. Yang kita tahu daripada ajaran Al-Quran dan Hadis ialah persaudaraan di kalangan orang Islam diutamakan. Mereka tidak berperang sesama sendiri kerana perbezaan pendapat berkenaan soal rupa bentuk Islam. Di zaman Nabi, persaudaraan dalam Islam menjadi perkara utama.

37. Memang benar segala masalah agama dapat dirujuk kepada Nabi untuk diselesaikan. Tetapi ajaran Islam menentukan cara penganut agama Islam menyelesaikan masalah dalam masyarakat Islam -- iaitu secara bermusyawarah. Semua pihak berhak menyuarakan pendapat tetapi keputusan yang diputuskan melalui musyawarah hendaklah dipatuhi oleh semua. Tidak ada siapa, termasuk khalifah-khalifah, boleh membuat keputusan sendiri yang tidak boleh disoal dan dipaksa ke atas masyarakat Islam.

38. Sudah tentu tidak ada kumpulan-kumpulan kecil yang taksud dengan ajaran dan tafsiran mereka sendiri yang mengganas untuk memaksa penerimaan pendapat mereka ke atas masyarakat keseluruhannya. Semua pihak adalah toleran. Nabi sendiri tidak memaksa anggota keluarganya yang tidak menerima Islam supaya menerimanya.

39. Umat Islam di zaman Nabi sabar, tabah hati, disiplin dan patuh kepada kepimpinan Nabi. Mereka tidak dilarang bekerja walaupun pada hari Jumaat, mengejar segala ilmu duniawi dan mencari kekayaan yang halal.

40. Mereka dipertanggungjawab untuk mempertahankan umat Islam. Yang

utama ialah keselamatan dan pertahanan dan bukan cara melakukannya atau alat yang digunakan. Justeru itu, jika pertahanan memerlukan senjata-senjata lain maka senjata yang lain ini mestilah dicipta dan digunakan. Jika untuk ini ilmu tertentu perlu dipelajari, tentulah salah jika ilmu- ilmu ini diabaikan.

41. Juga untuk menyelamatkan orang Islam, Kerajaan yang stabil dan kuat diperlukan. Kepimpinan Islam mestilah dipilih melalui musyawarah, satu cara yang demokratik, dan bukan cara penipuan atau cara menakutkan orang Islam dengan ajaran yang tidak benar.

42. Perbezaan pendapat dan ajaran tetap ada dalam masyarakat Islam. Sementara yang jelas sesat perlu dikembalikan ke jalan yang benar tetapi caranya hendaklah lebih bijak melalui musyawarah dan bukan tekanan, penindasan dan ketidakadilan. Jika persetujuan tidak dapat dicapai, sikap toleran dan persaudaraan hendaklah diamalkan. Percubaan secara keras yang hanya membawa perpecahan dan rusuhan yang berlarutan hendaklah dielak.

43. Pendek kata untuk menghadapi Abad 21 dengan cabaran-cabaran dunia zaman maklumat, reformasi yang diperlukan ialah reformasi nilai-nilai hidup yang dipegang oleh umat Islam supaya ianya lebih berasas kepada ajaran Islam yang tidak dicampur-aduk dengan ajaran-ajaran dan tafsiran-tafsiran agama yang mengelirukan dan tidak berasas kepada Al-Quran atau hadis yang sahih.

44. Keadaan sebenar yang terdapat di zaman ini mesti diakui. Penipuan diri akan kebenaran yang sebenar akan menggagalkan usaha menangani cabaran Abad ke-21. Reformasi utama ialah Reformasi pemikiran di kalangan mereka yang terkongkong dengan ajaran-ajaran yang tidak sebenarnya berasas kepada Islam yang mengelirukan umat Islam.